



Piawaian pendigitalan perkhidmatan awam perlu diwujudkan - Ismail Sabri

Oleh [Rohaniza Idris](#) - Ogos 30, 2022 @ 11:23am
roha@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, satu piawaian pendigitalan penyampaian perkhidmatan yang seragam perlu diwujudkan.

Perdana Menteri berkata, piawaian itu perlu dilaksanakan merentasi pelbagai kementerian dan agensi.

Beliau berkata, perkara itu bagi merealisasikan perubahan dasar, perundangan dan prosedur standard bagi menyokong penggunaan teknologi baharu.

"Teknologi baharu itu termasuk automasi proses robotik (RPA) dan kepintaran buatan (AI) perlu diintegrasikan dengan sistem sedia ada," katanya katanya dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awan ke-18 (MAPPA XVIII) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), hari ini.